

aab

Mahathir - Demokrasi

PILIH BN LAGI BUKAN BERMAKNA MALAYSIA KURANG DEMOKRATIK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dengan rakyat memilih Barisan Nasional untuk membentuk kerajaan setiap kali pilihan raya umum diadakan, tidak bermakna bahawa Malaysia kurang demokratik.

Perdana Menteri berkata jika rakyat memilih parti yang sama untuk membentuk kerajaan, ia juga adalah hak demokratik mereka.

"Kita adalah demokratik seperti juga negara-negara demokrasi yang lain," katanya semasa merasmikan Persidangan Perwakilan ke-23 Parti Gerakan Rakyat Malaysia di sebuah hotel di sini.

Katanya, Malaysia negara yang demokratik kerana rakyat mempunyai pilihan untuk menggantikan kerajaan yang mereka tidak suka.

Beliau berkata ada banyak faedah yang boleh diperolehi dengan rakyat memilih BN untuk membentuk kerajaan setiap kali pilihan raya umum diadakan. -- Lagi.

730/07/12-30MST

CNS2819

U PB 30-07 00131 BA063

aab

Mahathir - Demokrasi 2 Kuala Lumpur

Di samping menjamin kestabilan politik, ia juga akan menentukan dasar-dasar kerajaan yang konsisten, katanya."

Beliau berkata oleh kerana ada kestabilan politik dan dasar-dasar yang konsisten, para pelabur asing tertarik untuk melabur di Malaysia.

"Dasar-dasar kita yang konsisten telah membolehkan para pelabur membuat perancangan jangka panjang dan tidak perlu risau dengan pertukaran dasar oleh kerana pertukaran kerajaan baru," katanya.

Dr Mahathir berkata tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan Malaysia ke tahap sekarang dalam semua bidang, termasuk ekonomi, kerana antara lain rakyat mempunyai kerajaan yang sama memerintah negara ini sejak merdeka.

"Bayangkanlah apa yang akan berlaku jika tidak ada kestabilan dalam kerajaan disebabkan pertukaran kerajaan setiap kali pilihan raya umum diadakan," katanya. -- Lagi.

730/07/12-53MST

CNS2821

U PB 30-07 00147 BA064

aab

Mahathir - Demokrasi 3 Kuala Lumpur

"Bukan sahaja dasar-dasar kerajaan ditukar separuh jalan, bahkan politik negara juga mungkin tidak stabil. Ini dapat dilihat di beberapa buah negara yang menukar kerajaan dan dasar-dasarnya setiap kali pilihan raya diadakan," katanya.

Antara keunikan dan kelebihan BN ialah kemampuannya untuk terus bertahan begitu lama walaupun BN terdiri daripada banyak parti dengan para pemimpin dan anggotanya terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan agama.

Dr Mahathir berkata semenjak daripada Perikatan, parti itu telah berjaya memenangi pilihan raya umum berturut-turut dan dengan itu membentuk Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri kecuali di Kelantan dan Sabah. Bagaimanapun, BN kini telah kembali memerintah Sabah.

"Ini adalah satu rekod bagi mana-mana parti politik di dunia ini," katanya.

Beliau berkata bagi pemerhati luar, perkara itu merupakan sesuatu yang menghairankan mereka dan hampir tidak dipercayai. -- Lagi.

CNS2830

R PB 30-07 00144 BA066

aab

Mahathir - Demokrasi 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata mereka sungguh hairan bagaimana parti-parti komponen dalam BN boleh hidup bersatu padu dan berharmoni sebegitu lama sedangkan parti-parti itu mewakili berbagai-bagai kaum dan kepentingan.

"Mereka percaya dalam tempoh yang singkat kita akan berpecah-belah. Bagaimanapun, sangkaan mereka ini jelas salah dan BN sehingga hari ini tetap padu dan kukuh.

"Kita tidak mempunyai formula khas bagi kejayaan BN. Kejayaan BN ialah kerana wujud persefahaman, sikap tolak ansur dan kompromi serta semangat toleransi di kalangan para pemimpin dan anggotanya," katanya.

Beliau berkata kesanggupan bertolak ansur dan berkompromi ini tidak bermakna bahawa ada pihak yang menang dan ada yang kalah.

"Kita bertolak ansur dan berkompromi demi kepentingan negara dan rakyat keseluruhannya dan ia mengatasi segala kepentingan sempit yang lain," katanya. -- Laqi.

▼30/07/13-22MST

CNS2849

R PB 30-07 00207 BA072

aab

Mahathir - Demokrasi 5 (akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata itulah prinsip yang dipegang oleh BN dan akan terus diamalkan dan itulah antara sebab BN sentiasa mendapat sokongan rakyat untuk membentuk kerajaan.

Matlamat negara maju yang ditetapkan oleh kerajaan dan kepimpinan BN bukanlah untuk faedah pemimpin-pemimpin BN tetapi untuk faedah negara dan rakyat keseluruhannya.

Dr Mahathir berkata sebenarnya, bagi sesetengah negara Barat, mereka telah maju, daripada satu segi, dengan bantuan negara-negara koloni mereka kerana ketika mereka menjajah, mereka bukan sahaja mengambil hasil kekayaan negara jajahan tetapi menjadikannya juga sebagai pasaran terkawal untuk barangan keluaran industri mereka.

"Kita percaya kita boleh mencapai taraf negara maju tanpa menjajah mana-mana negara," katanya.

"Kita mempunyai tempoh hingga Oktober tahun depan untuk mengadakan pilihan raya umum. Walaupun saya belum memikirkan bila hendak mengadakan pilihan raya umum, BN sentiasa bersedia untuk menghadapinya pada bila-bila masa," katanya.

Beliau berkata parti-parti lawan sedar bahawa mereka tidak mempunyai isu-isu penting untuk dieksploitasikan pada pilihan raya umum kali ini, namun demikian ini tidak bermakna mereka tidak akan mencipta isu.

"Jika kita pegang kepada prinsip tolong-menolong dalam BN, kita akan dapat menanqkis segala dakwaan palsu mereka," katanya. -- Bernama

JM NMO